

JABATAN BEKALAN ELETRIK DAN GAS,
MALAYSIA,
TINGKAT 19-20, MENARA HAW PAR,
JALAN SULTAN ISMAIL,
50668 KUALA LUMPUR

Telefon: 2322447, 2329826
2329828, 2329829
2329830, 2329831
2388424, 2388429

Fax: 03-2329776

Ruj. Tuan:

JBE(IP) BKG/14 (AM)

Ruj. Kami:

Tarikh:

20 Oktober 1996

**Kontraktor Dan Konsultan
Yang Berkenaan.**

Tuan,

HAD PENGENDALIAN SISTEM PAIP GAS YANG DIBENARKAN.

Adalah saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa akhir-akhir ini pihak Jabatan ini banyak menerima permohonan-permohonan untuk memasang sistem paip gas didalam bangunan yang menggunakan tekanan maksima rekabentuk yang melebihi 5 psig. Keadaan ini berlaku terutama sekali didalam sistem paip gas yang membekalkan gas kepada dapur jenis masakan 'Chinese Kitchen'.

3. Seksyen 2.5 MS 930 : 1986 memberi kelonggaran untuk meluluskan tekanan maksima rekabentuk yang melebihi 5 psi tetapi tidak menggalakkan amalan ini atau meletakkan syarat-syarat yang ketat untuk meluluskannya.

4. Pihak Jabatan ini telah menerima beberapa laporan mengenai kejadian-kejadian letupan yang berlaku dipremis-premis yang beroperasi dengan tekanan maksima rekabentuk melebihi 5 psi. Adalah disyaki kejadian-kejadian itu adalah disebabkan oleh premis yang dijalankan pada tekanan rekabentuk melebihi 5 psi. Ini adalah satu keadaan dan amalan yang merbahaya.

5. Oleh sebab itu pihak Jabatan ini sangat-sangat memandang berat diatas perkara ini. Rekabentuk-rekabentuk pemasangan gas dimasa-masa akan datang tidak digalakkan untuk mempunyai tekanan maksima rekabentuk melebihi 5 psi. Pihak Kontraktor dan Konsultan dinasihatkan supaya mematuhi arahan ini. Keputusan ini berkuatkuasa daripada tarikh surat ini dikeluarkan.


6. Bagi premis-premis yang pada masa kini telah dipasang dengan sistem paip gas yang beroperasi dengan tekanan maksima rekabentuk melebihi 5 psi, satu tindakan susulan yang sewajarnya akan diambil tidak lama lagi.

7. Sekiranya pihak tuan ada apa-apa kemuskilan mengenai perkara yang tersebut diatas sila berhubung dengan Jabatan ini.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(Ir. ZAINUDDIN BIN ABDULLAH)

Pengarah Kawalselia dan Keselamatan Gas
Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas
Malaysia